

PENYELIDIK MUDA EYReC-UniMAP

UNGGUL DI IEYI 2010 HANOI, VIETNAM

PENYELIDIK muda ENVEX Young Researcher Club (EYReC) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mencatatkan kejayaan 100% dalam pertandingan 7th International Exhibition for Young Inventors (7th IEYI 2010) yang berlangsung pada 16-18 Disember 2010 bertempat di Hanoi, Vietnam. Penyelidik UniMAP yang diketuai oleh Encik Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah meraih 7 pingat daripada 7 penyertaan iaitu 6 Emas dan 1 Gangsa. Pameran ini merupakan pameran tahunan di mana kali ini dianjurkan oleh Vietnam Fund For Supporting Technological Creations (VIFOTEC).

Persidangan dan pameran yang kali ini turut dihadiri sendiri oleh Y.Bhg. Datin Noridah Yangman selaku guru pengiring bagi produk kerjasama Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra dengan Makmal Penyelidikan Bahan Sensor UniMAP. Selain EYReC-UniMAP, terdapat 2 lagi wakil daripada Malaysia iaitu Malaysian Invention & Design Society (MINDS) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sebanyak 13 produk mewakili Malaysia iaitu 7 EYReC-UniMAP, 2 MINDS dan 4 UMP.



Pingat emas UniMAP diraih oleh Noor Manshora Abd Subhan, Kok Jken Vui, Siti Kamilah Abd Rahman, Hanis Azimah Mohd Bokeri, Nur Safura Mohd Ali, Nooraishah Zul-Qarnain manakala pingat gangsa disumbangkan oleh Nur Amirah Liyana Baharin. Di samping pencapaian pingat emas tertinggi, penyelidik EYReC-UniMAP juga menggondol 4 anugerah khas iaitu Anugerah Khas Japan Institute Invention & Innovation (JII) bagi produk Plast Shared Paper Composite, Anugerah Khas VIFOTEC, Vietnam untuk penyelidikan Production Of Bioethanol From Paddy Straw. Manakala Conducting Polymer Sensor For Fertigation Control In Green House menerima anugerah berkembar iaitu Anugerah Khas International Best Invention, Hong Kong dan Anugerah Utama IEYI 2010 iaitu pingat emas World Intellectual Property Organization (WIPO).

Di dalam perolehan pingat bagi kesemua negara yang menyertai pertandingan kali ini, Malaysia menduduki tempat pertama dengan 12 pingat emas diikuti Taiwan dengan 8, Filipina sebanyak 4, Jepun dan Hong Kong dengan 3 serta Indonesia, Vietnam dan Thailand masing-masing dengan 1 pingat emas. Majlis penyampaian hadiah IEYI 2010 disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Vietnam iaitu Nguyen Thien Nhan IEYI edisi ke-8 akan diadakan di Bangkok, Thailand pada Februari 2012.